



NEGERI PERLIS

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 54

10hb November 2011

No. 23

---

No. 94.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM 2006  
(Enakmen 4 Tahun 2006)

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

AJARAN QADIANI/AHMADIAH

PEMBETULAN

Berhubung dengan Pemberitahuan *Warta* Bil. 84 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perlis* keluaran 13 Oktober 2011 berikut adalah dibuat kepada Perenggan yang berkenaan.

Mansuh:

“Ajaran Qadiani atau ajaran Ahmadiyah adalah satu ajaran yang menyalahi ajaran Islam yang sebenar. Para penganunya dikira sesat dan terkeluar dari Islam.

Umat Islam adalah dilarang mengamal ajaran, pegangan dan fahaman ajaran Qadiani atau Ahmadiyah, menjadi ahli mengetuaui, memimpin, memberi ceramah, mengadakan kelas pendidikan dan pembelajaran, mengadakan apa-apa aktiviti ekonomi, sosial, program persembahan kesenian dan kebudayaan serta aktiviti-aktiviti lain yang bertujuan untuk menghidup, menyebar dan mengembangkan ajaran ini.

Orang-orang Islam adalah dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual termasuk mengedarkan filem, rakaman audio, pamplet, buku-buku, majalah atau apa-apa terbitan, risalah dan apa-apa dokumen, menggunakan sebarang bentuk lambang, rajah atau tanda-tanda yang boleh mengaitkan ajaran Qadiani atau ajaran Ahmadiyah dengan ajaran Islam yang sebenar.

Gantikan dengan:

“Ajaran Qadiani atau ajaran Ahmadiyah adalah satu ajaran yang menyalahi ajaran Islam yang sebenar. Para penganutnya dikira sesat dan boleh terkeluar dari Islam.

Oleh itu, umat Islam adalah dilarang mengamal ajaran, pegangan dan fahaman ajaran Qadiani atau Ahmadiyah, menjadi ahli mengetuai, memimpin, memberi ceramah, mengadakan kelas pendidikan dan pembelajaran, mengadakan apa-apa aktiviti ekonomi, sosial, program persembahan kesenian dan kebudayaan serta aktiviti-aktiviti lain yang bertujuan untuk menghidup, menyebarkan dan mengembangkan ajaran ini.

Orang-orang Islam adalah dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual termasuk mengedarkan filem, rakaman audio, pamflet, buku-buku, majalah atau apa-apa terbitan, risalah dan apa-apa dokumen, menggunakan sebarang bentuk lambang, rajah atau tanda-tanda yang boleh mengaitkan ajaran Qadiani atau ajaran Ahmadiyah dengan ajaran Islam yang sebenar.

[SUK.Ps. 05/380(4)]

### No. 95.

#### KANUN TANAH NEGARA (Akta 56 tahun 1965)

(Seksyen 130)

#### NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen \*100/129, Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisyiharkan dirampas menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perampasan itu berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

10hb Nov. 2011]

173

## JADUAL TANAH YANG DIRAMPAS

Bandar/Pekan/ Mukim	No. Lot	Keluasan/Jenis dan No. Hakmilik	
		Meter Persegi	G.M.
Kayang	8307	188	2420
	P.T.		H.S.D.
Bandar Kangar	99	1946.7195	101

Bertarikh 13 Oktober 2011  
[PTG.Ps.(H) 06 Jld. 1(9)]

SH. INTAN ERIYATTY BINTI SYED MANSOR  
*Penolong Pentadbir Tanah  
Jabatan Tanah dan Galian  
Perlis*

Hakcipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR SETAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA